



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 12 Mei 2023 (Jumaat) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<p><b>Nga: New Guidelines On Rented Rooms Soon</b></p> <p><a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/12/nga-new-guidelines-on-rented-rooms-soon">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/12/nga-new-guidelines-on-rented-rooms-soon</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2188134">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2188134</a></p>	<p><b>The Star</b></p> <p><b>Bernamea</b></p>
2	<p><b>JKM Melaka Lancar Kod QR, Jamin Masalah Selesai 7 Hari</b></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/05/11/jkm-melaka-lancar-kod-qr-jamin-masalah-selesai-7-hari/">https://www.kosmo.com.my/2023/05/11/jkm-melaka-lancar-kod-qr-jamin-masalah-selesai-7-hari/</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2023/05/11/jkm-melaka-yang-pertama-lancar-kod-qr-untuk-aduan/">https://malaysiagazette.com/2023/05/11/jkm-melaka-yang-pertama-lancar-kod-qr-untuk-aduan/</a></p> <p><a href="https://www.melakahariini.my/melaka-lancar-kod-qr-prihtinjkmmelaka/">https://www.melakahariini.my/melaka-lancar-kod-qr-prihtinjkmmelaka/</a></p>	<p><b>Kosmo</b></p> <p><b>Malaysia Gazette</b></p> <p><b>Melaka Hari Ini</b></p>

	<p><a href="https://suaramerdeka.com.my/jkm-melaka-lancar-kod-qr-prihtinjkmmelaka/">https://suaramerdeka.com.my/jkm-melaka-lancar-kod-qr-prihtinjkmmelaka/</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/jkm-melaka-lancar-kod-qr-jamin-masalah-selesai-7-hari/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/jkm-melaka-lancar-kod-qr-jamin-masalah-selesai-7-hari/</a></p>	
3	<p><b>Hampir RM1 Juta Bantu Mangsa Ribut Kampung Melayu Majidee</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/258028/edisi/hampir-rm1-juta-bantu-mangsa-ribut-kampung-melayu-majidee">https://www.sinarharian.com.my/article/258028/edisi/hampir-rm1-juta-bantu-mangsa-ribut-kampung-melayu-majidee</a></p> <p><a href="https://berita.mediacorp.sg/dunia/johor-peruntuk-hampir-rm1-juta-bantu-mangsa-ribut-kampung-melayu-majidee-754611">https://berita.mediacorp.sg/dunia/johor-peruntuk-hampir-rm1-juta-bantu-mangsa-ribut-kampung-melayu-majidee-754611</a></p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Berita Mediacorp Sg</p>
4	<p><b>Budak Pandu Sendiri, Bukan 'Tok Wan Bulu' – Polis</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1099839/budak-pandu-sendiri-bukan-tok-wan-bulu-polis">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1099839/budak-pandu-sendiri-bukan-tok-wan-bulu-polis</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/05/11/video-budak-6-tahun-dakwa-tok-wan-berbulu-pandu-kereta/">https://www.kosmo.com.my/2023/05/11/video-budak-6-tahun-dakwa-tok-wan-berbulu-pandu-kereta/</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2023/05/965551/tok-wan-badan-berbulu-yang-bawa-kereta">https://www.hmetro.com.my/utama/2023/05/965551/tok-wan-badan-berbulu-yang-bawa-kereta</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiada-unsur-mistik-budak-6-tahun-memang-tahu-fungsi-pedal-minyak-dan-gear-polis-419077">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiada-unsur-mistik-budak-6-tahun-memang-tahu-fungsi-pedal-minyak-dan-gear-polis-419077</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=uHIQyckjcYU">https://www.youtube.com/watch?v=uHIQyckjcYU</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=kJm4UpxrXLQ">https://www.youtube.com/watch?v=kJm4UpxrXLQ</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/257978/berita/semasa/polis-tolak-unsur-mistik-kes-kanak-kanak-pandu-kereta">https://www.sinarharian.com.my/article/257978/berita/semasa/polis-tolak-unsur-mistik-kes-kanak-kanak-pandu-kereta</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/965690/kanak-kanak-itu-tahu-cara-memandu-tiada-unsur-mistik-kata-polis">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/965690/kanak-kanak-itu-tahu-cara-memandu-tiada-unsur-mistik-kata-polis</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/terkini/2023/05/tiada-unsur-mistik-budak-enam-tahun-memang-tahu-pandu-kereta/">https://www.utusan.com.my/terkini/2023/05/tiada-unsur-mistik-budak-enam-tahun-memang-tahu-pandu-kereta/</a></p>	<p>Berita Harian</p> <p>Kosmo</p> <p>Harian Metro</p> <p>Astro Awani</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Astro Awani</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Harian Metro</p> <p>Utusan</p>

	<a href="https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2188115">https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2188115</a>  <a href="https://tvstv.my/2023/05/11/polis-tolak-unsur-mistik-kanak-kanak-6-tahun-tahu-fungsi-gear-pedal-minyak/">https://tvstv.my/2023/05/11/polis-tolak-unsur-mistik-kanak-kanak-6-tahun-tahu-fungsi-gear-pedal-minyak/</a>  <a href="https://www.buletintv3.my/tular/tiada-unsur-mistik-dalam-insiden-kanak-kanak-pandu-kereta-sendiri/">https://www.buletintv3.my/tular/tiada-unsur-mistik-dalam-insiden-kanak-kanak-pandu-kereta-sendiri/</a>	<p>Bernama</p> <p>TVSTV</p> <p>Buletin TV3</p>
5	<p><b>Pantau Kehadiran Kanak-Kanak Rohingya</b></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/pantau-kehadiran-kanak-kanak-rohingya/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/pantau-kehadiran-kanak-kanak-rohingya/</a></p>	<p>Utusan</p>
6	<p><b>Kanak-Kanak Diselamatkan Jiran Dalam Kebakaran</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1099995/kanak-kanak-diselamatkan-jiran-dalam-kebakaran">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1099995/kanak-kanak-diselamatkan-jiran-dalam-kebakaran</a>   <a href="https://malaysiagazette.com/2023/05/11/tindakan-pantas-orang-awam-selamatkan-dua-kanak-kanak-dalam-kebakaran-rumah/">https://malaysiagazette.com/2023/05/11/tindakan-pantas-orang-awam-selamatkan-dua-kanak-kanak-dalam-kebakaran-rumah/</a>   <a href="https://www.edisi9.com.my/2023/05/dua-kanak-kanak-nyaris-maut-rumah-terbakar/">https://www.edisi9.com.my/2023/05/dua-kanak-kanak-nyaris-maut-rumah-terbakar/</a></p>	<p>Berita Harian</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Edisi 9</p>
7	<p><b>JKM Cari Waris Bayi Lelaki Berusia 11 Hari</b></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2023/05/11/jkm-cari-waris-bayi-lelaki-berusia-11-hari/">https://malaysiagazette.com/2023/05/11/jkm-cari-waris-bayi-lelaki-berusia-11-hari/</a></p>	<p>Malaysia Gazette</p>
8	<p><b>Polis Tahan Wanita Sri Lanka Tawar Khidmat Seks RM60 Di Rumah Sewa</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1099809/polis-tahan-wanita-sri-lanka-tawar-khidmat-seks-rm60-di-rumah-sewa">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1099809/polis-tahan-wanita-sri-lanka-tawar-khidmat-seks-rm60-di-rumah-sewa</a>   <a href="https://www.kosmo.com.my/2023/05/11/tawar-khidmat-seks-rm60-dua-wanita-sri-lanka-ditahan/">https://www.kosmo.com.my/2023/05/11/tawar-khidmat-seks-rm60-dua-wanita-sri-lanka-ditahan/</a>   <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/257949/berita/semasa/tawar-khidmat-seks-di-rumah-sewa-2-wanita-sri-lanka-dicekup">https://www.sinarharian.com.my/article/257949/berita/semasa/tawar-khidmat-seks-di-rumah-sewa-2-wanita-sri-lanka-dicekup</a></p>	<p>Berita Harian</p> <p>Kosmo</p> <p>Sinar Harian</p>

	<a href="https://mykmu.net/2023/05/11/tawar-khidmat-seks-di-rumah-sewa-2-wanita-sri-lanka-dicekup/">https://mykmu.net/2023/05/11/tawar-khidmat-seks-di-rumah-sewa-2-wanita-sri-lanka-dicekup/</a>	MYKMU
9	<p>Wanita Kemaruk Cinta Palsu Rugi RM84,600</p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/05/11/wanita-kemaruk-cinta-palsu-rugi-rm84600/">https://www.kosmo.com.my/2023/05/11/wanita-kemaruk-cinta-palsu-rugi-rm84600/</a></p>	Kosmo
10	<p>Wanita Dakwa Jadi Mangsa Gangguan Seksual Dalam MRT Diminta Buat Aduan</p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2023/05/11/wanita-dakwa-jadi-mangsa-gangguan-seksual-dalam-mrt-diminta-buat-aduan/">https://malaysiagazette.com/2023/05/11/wanita-dakwa-jadi-mangsa-gangguan-seksual-dalam-mrt-diminta-buat-aduan/</a></p>	Malaysia Gazette
11	<p>Wanita Terperdaya Kerja Sambilan Bergaji Lumayan Rugi RM38,206</p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/11/wanita-terperdaya-kerja-sambilan-bergaji-lumayan-rugi-rm38206">https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/11/wanita-terperdaya-kerja-sambilan-bergaji-lumayan-rugi-rm38206</a></p> <p><a href="https://tvstv.my/2023/05/11/wanita-rugi-lebih-rm38000-selepas-cari-kerja-sambilan-di-media-sosial/">https://tvstv.my/2023/05/11/wanita-rugi-lebih-rm38000-selepas-cari-kerja-sambilan-di-media-sosial/</a></p>	<p>Utusan Borneo</p> <p>TVSTV</p>
12	<p>OKU Kerdil Tagih Simpati Kerajaan Tangani Isu Pekerjaan Dan Pengangkutan</p> <p><a href="https://majoriti.com.my/berita/2023/05/11/oku-kerdil-tagih-simpat-kerajaan-tangani-isu-pekerjaan-dan-pengangkutan">https://majoriti.com.my/berita/2023/05/11/oku-kerdil-tagih-simpat-kerajaan-tangani-isu-pekerjaan-dan-pengangkutan</a></p>	Majoriti
13	<p>Kongsi Untung Berniaga Dengan Yang Memerlukan</p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/965737/kongsi-untung-berniaga-dengan-yang-memerlukan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/965737/kongsi-untung-berniaga-dengan-yang-memerlukan</a></p>	Harian Metro

## NGA: NEW GUIDELINES ON RENTED ROOMS SOON

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/12/nga-new-guidelines-on-rented-rooms-soon>

Sumber : The Star



PUTRAJAYA: New guidelines on rooms for rent are being drawn up, the government announced.

Local Government Development Minister Nga Kor Ming said his ministry had been looking into the issue and amendments to laws pertaining to rooms for rent would be made.

“The ministry is currently looking into the matter.

“As a matter of fact, I was busy drafting the guidelines and amendments to laws during the recent holiday season,” he said at his ministry’s Hari Raya open house here yesterday.

The Star reported on Wednesday that youths had to rent cheap shoebox-sized rooms at the expense of proper living conditions.

Checks at one of these advertised units in Kuala Lumpur found a property with at least 20 partitioned rooms, leaving barely any space in the corridors.

The report stated that the walls were thin and the rooms could only fit a single bed.



Something for the kids: Nga presenting duit Raya to the children of KPKT Nursery during his ministry's Hari Raya open house in Putrajaya. Looking on are (from right) Sivakumar and Nancy. — Bernama

There are also options for windowless rooms costing close to RM400 a month, with tenants needing to pay more for a window.

Experts were of the view that such living conditions would be harmful to one's physical and mental health.

On a separate matter, Nga said his ministry would be allocating a minimum RM10mil to upgrade public amenities in Johor Baru.

He said he would call on Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar next week.

"I will announce an allocation for the people of Johor to resolve issues regarding roadworks, upgrading of food courts and toilets and the creation of public parks," he said.

"I promise that the allocation will be more than RM10mil for Johor Baru."

Nga also said he had been touring several states for similar reasons "regardless of the political leanings".

"The allocation will be given fairly and professionally. We will do an objective assessment," he said.

Also present at the event were Human Resources Minister V. Sivakumar, Communications and Digital Minister Fahmi Fadzil and Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri.

## **JKM MELAKA LANCAR KOD QR, JAMIN MASALAH SELESAI 7 HARI**

<https://www.kosmo.com.my/2023/05/11/jkm-melaka-lancar-kod-qr-jamin-masalah-selesai-7-hari/>

**Sumber : Kosmo**



MELAKA – Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri hari ini melancarkan kod QR Pnh@tinJkmMelaka bagi membolehkan sebarang aduan dan masalah dibuat terus secara dalam talian.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Datuk Kalsom Noordin berkata, inisiatif yang diambil oleh JKM itu bertujuan menambah keberkesanan sistem perkhidmatan sedia ada.

Katanya, orang ramai kini boleh membuat aduan dan memberikan sebarang maklumat berkaitan penderaan kanak-kanak, warga emas yang hidup terbiar, anak yatim, semakan status Orang Kelainan Upaya (OKU), bantuan kewangan dan sebagainya.

“Hari ini orang ramai sudah boleh buat sebarang bentuk aduan, maklum balas dan sebagainya dengan hanya mengimbas kod QR yang boleh didapati di laman sosial Facebook JKM Melaka.

“JKM negeri memberi jaminan sebarang masalah dibuat secara dalam talian akan diselesaikan dalam tempoh tujuh hari waktu bekerja,” katanya selepas melancarkan Kod QR Pnh@tinJkmMelaka di pejabat JKM negeri, Kota Cemerlang, Ayer Keroh di sini, hari ini.

Tambahnya, walaupun kod QR diperkenalkan, namun medium sedia ada menggunakan talian telefon dan kaedah bersemuka di mana-mana pejabat kebajikan di negeri ini masih terpakai untuk sebarang aduan dikemukakan.

“Menggunakan kod QR ini amat mudah kerana orang ramai hanya melengkapkan borang dengan mengisi butiran seperti nama, alamat, daerah, no telefon dan isu serta masalah yang hendak dikemukakan.

“Penggunaan kod QR ini juga membolehkan orang ramai mendapat maklumat yang betul, tepat dan benar, jadi saya harap masyarakat akan memanfaatkan kemudahan disediakan sebaik mungkin,” katanya. – KOSMO! ONLINE

## **HAMPIR RM1 JUTA BANTU MANGSA RIBUT KAMPUNG MELAYU MAJIDEE**

<https://www.sinarharian.com.my/article/258028/edisi/hampir-rm1-juta-bantu-mangsa-ribut-kampung-melayu-majidee>

**Sumber : Sinar Harian**



JOHOR BAHRU - Kerajaan Johor memperuntukkan hampir RM1 juta bagi memberikan bantuan kepada 255 keluarga di Kampung Melayu Majidee, di sini yang terjejas akibat ribut pada 3 Mei lepas.

Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia Johor, Mohd Hairi Mad Shah berkata, setiap keluarga mendapat bantuan awal sebanyak RM3,000 yang disampaikan di Dewan Kampung Melayu Majidee hari ini.

Beliau berkata, bantuan wang tunai itu merupakan sumbangan daripada Pejabat Menteri Besar Johor, Yayasan Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Majlis Agama Islam Negeri Johor.

"Bantuan awal ini diberikan kepada semua mangsa terjejas tanpa mengira kategori kerosakan kediaman mereka, sama ada tahap sedikit, sederhana atau teruk," katanya pada sidang media selepas meninjau proses penyerahan bantuan kepada mangsa di Dewan Kampung Melayu Majidee, di sini pada Khamis.

Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Larkin itu berkata, bantuan bakul makanan turut diberikan kepada mangsa daripada Southern Volunteers dan Pejabat Parlimen Johor Bahru.

Sementara itu, beliau berkata Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga masih membuat penilaian kerosakan rumah mangsa yang terlibat sebelum bantuan seterusnya diberikan.

"Selepas penilaian kerosakan rumah dibuat oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), saya akan memohon bantuan daripada mana-mana agensi berkaitan untuk membantu (menghulurkan sumbangan) rumah yang rosak teruk," katanya.

Sementara itu, seorang mangsa ribut, Asmah Sakiran, 54, ketika ditemui meluahkan rasa kesyukuran atas pemberian bantuan awal itu.

Katanya, wang tersebut akan digunakan untuk membayar semula duit perkahwinan anaknya yang didahulukan bagi membaiki atap yang rosak akibat ribut.

"Mak cik baiki dulu atap rumah dengan anggaran kos RM2,000 menggunakan duit simpanan kahwin anak. Setiap petang hujan lebat, kalau tidak diganti cepat, barang rumah banyak yang akan rosak," katanya.

Selain menjejaskan rumah penduduk, kejadian ribut pada pukul 2.48 petang, 3 Mei lepas itu turut menyebabkan tiga kereta rosak akibat dihempap pokok tumbang. – Bernama

## **BUDAK PANDU SENDIRI, BUKAN 'TOK WAN BULU' – POLIS**

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1099839/budak-pandu-sendiri-bukan-tok-wan-bulu-polis>

**Sumber : Berita Harian**



LANGKAWI: Kejadian kanak-kanak berusia enam tahun memandu kereta Toyota Vios milik keluarga sehingga terbabit dalam kemalangan di Jalan Bukit Tangga di sini, malam kelmarin tiada kaitan dengan **unsur mistik**.

Sebaliknya, kejadian itu dipercayai berpunca daripada kemampuan kanak-kanak lelaki terbabit mempelajari asas pemanduan kereta, seterusnya mengaplikasikan pada malam kejadian.

Ketua Polis Daerah Langkawi, Asisten Komisioner Shariman Ashari, berkata berdasarkan keterangan kanak-kanak itu, dia didapati **tahu cara memandu kereta** dan turut mengetahui fungsi dan kedudukan gear.

"Berdasarkan siasatan didapati kanak-kanak itu juga mengetahui fungsi pedal minyak dan gear automatik, selain memiliki keyakinan dengan menunjukkan bagaimana cara untuk turunkan brek tangan.

"Pemeriksaan rakaman kamera papan pemuka atau dashcam mendapati pemanduan tidak stabil, kadang-kala memasuki lorong bertentangan dan ada ketika ke kiri dan ke kanan," katanya dalam kenyataan petang ini.

Shariman berkata, kanak-kanak itu juga boleh menunjukkan dengan betul cara menghidupkan enjin dan berjaya menghidupkannya apabila diminta oleh pegawai penyiasat.

"Justeru, kita menolak sebarang unsur mistik dalam kes kemalangan ini seperti mana yang didakwa dan tular oleh pihak tertentu menerusi pelbagai medium media sosial.

"Kanak-kanak berkenaan ada dibawa oleh kedua ibu bapa mereka ketika memberi keterangan di Balai Polis Trafik Langkawi, jadi polis sudah menemubual awal mereka sebagai sebahagian siasatan," katanya.

Beliau berkata, dalam proses temubual itu kanak-kanak terbabit yang juga pemandu kereta menunjukkan cara bagaimana dia memandu pada malam kejadian.

"Kanak-kanak itu mampu memberi penerangan fungsi gear D dan R kepada pegawai penyiasat, malah dia mengaku berjaya mengundur kereta terlebih dulu sebelum memandu keluar rumah pada malam kejadian.

"Difahamkan jarak rumah ke kedai yang ingin dituju oleh dua beradik itu adalah sejauh lima kilometer (km), tetapi separuh jalan mereka terbabit kemalangan," katanya.

Hari ini, media melaporkan kejadian kanak-kanak lelaki berusia enam tahun memandu sebuah kereta hingga kemalangan itu dikaitkan sesetengah pihak dengan unsur mistik.

Kanak-kanak itu mendakwa dia tidak memandu kereta berkenaan, sebaliknya dipandu oleh 'pak cik' dan 'tok wan' (gelaran diberikan untuk datuk) yang mempunyai badan yang panas dan berbulu.

Meskipun tidak dapat dipastikan kesahihan kisah itu, namun rakaman audio perbualan suara kanak-kanak berkenaan menceritakan kejadian terbabit kini **tular di media sosial** sejak malam Rabu.

## PANTAU KEHADIRAN KANAK-KANAK ROHINGYA

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/pantau-kehadiran-kanak-kanak-rohingya/>

Sumber : Utusan



BAGAN SERAI: Kehadiran dua kanak-kanak lelaki etnik Rohingya berjalan kaki sambil menjual keropok di kawasan perumahan menyebabkan ramai penduduk bersimpati dengan keadaan mereka.

Namun bagi penduduk di sini, kehadiran dua kanak-kanak berusia tiga dan 10 tahun itu perlu dipantau pihak berkuasa.

Ini kerana jika dibiarkan, kemungkinan lebih ramai kanak-kanak daripada etnik itu menjadikan kawasan di sini sebagai kawasan baharu mereka untuk menjalankan aktiviti jualan sedemikian.

Seorang penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Nor Azrina berkata, penduduk tidak mahu Bagan Serai menjadi seperti di Selayang, Selangor yang mana kawasan tertentu terutama di Pasar Borong Selayang menyaksikan perniagaan di situ dikuasai etnik Rohingya.

Katanya, kehadiran kanak-kanak Rohingya yang menjual keropok di sini mula dikesan baru-baru ini.

“Sesiapa sahaja yang melihat mereka membawa beberapa plastik yang berisi keropok untuk dijual sudah tentu rasa kasihan, namun, perkara itu perlu dicegah lebih awal kerana kami tidak mahu Bagan Serai menjadi seperti Selayang,” katanya.

Menurutnya, ketika ini mungkin dua kanak-kanak yang datang, tetapi tidak mustahil boleh bertambah pada masa akan datang.

“Hari ini memanglah kita rasa kasihan melihat mereka tapi pada masa akan datang mungkin lain pula yang berlaku apabila jumlahnya semakin ramai,” katanya.

Sementara itu, temu bual dengan dua kanak-kanak itu mendapati, mereka merupakan adik-beradik yang menjual keropok di sekitar Bagan Serai dengan harga RM5 sebungkus. – [UTUSAN](#)

## **KANAK-KANAK DISELAMATKAN JIRAN DALAM KEBAKARAN**

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1099995/kanak-kanak-diselamatkan-jiran-dalam-kebakaran>

**Sumber : Berita Harian**



Hulu Selangor: Dua kanak-kanak terselamat dalam kebakaran rumah mereka di Bandar Utama Batang Kali, di sini, hari ini.

Mereka berusia dua dan tiga tahun diselamatkan jiran dalam kejadian kira-kira 3 petang.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Hafisham Mohd Noor, berkata 14 anggota bersama jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kuala Kubu Bharu dan Rawang ke tempat kejadian.

"Kebakaran membabitkan sebuah rumah teres dua tingkat. Terdapat dua kanak-kanak perempuan di rumah tamu dan kebakaran disedari jiran mereka," katanya.

Hafisham berkata, kebakaran dipercayai bermula dari dapur dengan kemusnahan kira-kira 70 peratus.

Menurutnya, api berjaya dikawal pada jam 3.27 petang dan dipadamkan sepenuhnya kira-kira 10 minit kemudian.

## **JKM CARI WARIS BAYI LELAKI BERUSIA 11 HARI**

<https://malaysiagazette.com/2023/05/11/jkm-cari-waris-bayi-lelaki-berusia-11-hari/>

**Sumber : Malaysia Gazette**



KUANTAN – Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Kuantan sedang mengesan waris seorang bayi lelaki berusia 11 hari yang ditinggalkan di Kampung Peramu, Kuantan baru-baru ini.

Pegawai Pelindung Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Kuantan, Wan Norazlina Wan Aziz berkata, bayi berkenaan ditinggalkan tanpa pengenalan diri oleh ibu kandung dan telah ditemui oleh orang awam dalam keadaan masih bernyawa.

Pada 29 April 2023, seorang bayi lelaki baru dilahirkan ditemui oleh seorang wanita di berhampiran kilang Ocean Fresh Seafood, Peramu Kuantan.

Bayi lelaki itu ditemui pada jam 12.10 tengah hari itu ditemui dalam keadaan tidak berpakaian dan dihurung kerengga di bawah sebatang pokok.

Susulan itu, penduduk sekitar telah membuat laporan polis sebelum memanjangkan kes ini ke pengetahuan JKM.

”Usaha mencari waris kepada bayi berkenaan telah dilakukan namun proses pencarian berdepan dengan kesukaran memandangkan bayi berkenaan ditinggalkan tanpa sebarang dokumen pengenalan diri,” katanya menerusi kenyataan, hari ini.

## **POLIS TAHAN WANITA SRI LANKA TAWAR KHIDMAT SEKS RM60 DI RUMAH SEWA**

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1099809/polis-tahan-wanita-sri-lanka-tawar-khidmat-seks-rm60-di-rumah-sewa>

**Sumber : Berita Harian**



SUBANG JAYA: Kegiatan pelacuran berselindung di sebalik rumah sewa terbongkar selepas premis di Bandar Sunway itu digempur polis dalam Op Noda, semalam.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Wan Azlan Wan Mamat, berkata dua wanita warga Sri Lanka, masing-masing berusia 30 dan 37 tahun ditahan dalam operasi jam 11 malam berkenaan.

"Siasatan awal mendapati wanita terbabit menggunakan khidmat orang tengah untuk mencari pelanggan dan bayaran yang dikenakan adalah RM60. Mereka mensasarkan pelanggan dalam kalangan warga Bangladesh dan India," katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut di premis terbabit menemui beberapa barang, disyaki digunakan untuk tujuan pelacuran seperti kondom dan tisu selain wang tunai.

Katanya, suspek dipercayai aktif menawarkan khidmat seks di rumah sewa berkenaan sejak tiga bulan lalu.

"Kedua-dua suspek dibawa ke Balai Polis Bandar Sunway dan direman 14 hari bermula semalam sehingga 23 Mei.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 372B Kanun Keseksaan serta Akta Imigresen 1959/63," katanya.

## WANITA KEMARUK CINTA PALSU RUGI RM84,600

<https://www.kosmo.com.my/2023/05/11/wanita-kemaruk-cinta-palsu-rugi-rm84600/>

Sumber : Kosmo



JOHOR BAHRU – Gara-gara terjerat cinta lelaki yang mendakwa menetap di United Kingdom (UK), seorang wanita mengalami kerugian RM84,600.

Ketua Polis Daerah Seri Alam, Superitendan Mohd. Sohaimi Ishak berkata, mangsa yang berusia 57 tahun itu berkenalan dengan lelaki yang dikenali sebagai Ahmad Adam menerusi Facebook sejak 25 Februari lalu.

Beliau berkata, selepas beberapa minggu berkomunikasi dengan lelaki berkenaan menerusi aplikasi WhatsApp, suspek menyatakan hasrat mahu pulang ke tanahair untuk mengahwini wanita itu.

“Mangsa kemudian dihubungi oleh seorang wanita mengaku sebagai pegawai Kastam memaklumkan Ahmad Adam ditahan kerana membawa wang (mata wang pound sterling) yang banyak.

“Mangsa diarahkan untuk membuat beberapa pembayaran bagi melepaskan lelaki itu. Mangsa melakukan lapan transaksi pembayaran ke akaun Bank Islam berjumlah keseluruhan RM84,600,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Sohaimi berkata, mangsa hanya menyedari dirinya ditipu apabila kehabisan wang simpanan dan menceritakan perkara itu kepada ahli keluarganya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.-KOSMO! ONLINE.

## WANITA DAKWA JADI MANGSA GANGGUAN SEKSUAL DALAM MRT DIMINTA BUAT ADUAN

<https://malysiagazette.com/2023/05/11/wanita-dakwa-jadi-mangsa-gangguan-seksual-dalam-mrt-diminta-buat-aduan/>

Sumber : Malaysia Gazette



KUALA LUMPUR – Polis meminta seorang wanita yang mendakwa menjadi mangsa gangguan seksual dalam tren Transit Aliran Massa (MRT) membuat laporan bagi membolehkan siasatan dilakukan.

Ketua Polis Daerah Cheras, Asisten Komisioner Zam Halim Jamaluddin berkata, pihaknya telah mengesan video berkenaan insiden tersebut yang tular di laman media sosial jam 9.55 pagi ini.

“Penelitian lanjut terhadap video berdurasi 31 saat yang dimuatnaik seorang pengguna Twitter mendakwa seorang individu melakukan gangguan seksual terhadap seorang wanita di dalam MRT arah Cheras menuju Pusat Bandaraya.

“Sehingga kini, pihak polis masih belum menerima laporan polis berhubung kejadian ini dan Polis Cheras meminta kerjasama individu yang terlibat untuk tampil membuat laporan polis agar siasatan dapat dijalankan,” katanya dalam kenyataan, hari ini.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung kejadian ini diminta menghubungi Hotline Polis Cheras di talian 03-9284 5050/ 5051, Hotline Polis Kuala Lumpur di talian 03-2115 9999 atau menyalurkannya di balai polis berdekatan. – MalaysiaGazette

## WANITA TERPERDAYA KERJA SAMBILAN BERGAJI LUMAYAN RUGI RM38,206

<https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/11/wanita-terperdaya-kerja-sambilan-bergaji-lumayan-rugi-rm38206>

Sumber : Utusan Borneo



SIBU: Hasrat seorang wanita menambah pendapatan tidak kesampaian apabila terperdaya dengan tawaran iklan kerja sambilan melalui laman sosial Facebook.

Ketua Polis Daerah Sibu ACP Zulkipli Suhaili berkata, mangsa yang berusia 30 tahun itu mendakwa telah menekan satu pautan sebelum berurusan dengan seorang suspek melalui aplikasi WhatsApp pada Selasa.

"Pada 9 Mei lalu, mangsa telah melayari laman Facebook dan tertarik dengan satu iklan kerja sambilan sebelum menekan satu pautan dan seterusnya berhubung dengan seorang individu melalui aplikasi WhatsApp selepas diterima bekerja.

"Mangsa kemudian diminta untuk membuat tempahan hotel menggunakan satu laman sesawang dan diarah untuk membuat bayaran berjumlah RM38,206.78 sebanyak 13 kali ke lima akaun bank yang berbeza," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Katanya, mangsa dijanjikan gaji berjumlah RM388 untuk setiap lima slot tempahan yang dibuat namun mangsa tidak pernah menerima sebarang gaji.

Teruja dengan tawaran itu, mangsa telah membuat bayaran sebanyak RM38,207 melalui 13 transaksi ke lima nombor akaun berbeza.

Zulkipli berkata, mangsa menyedari dirinya ditipu setelah diminta untuk membuat pembayaran sebanyak RM34,000 lagi kononnya bagi tujuan melepaskan gaji yang disekat oleh pihak bank.

"Mangsa merasakan dirinya diperdaya kemudian membuat laporan polis dan meminta kes disiasat oleh Bahagian Siasatan Jenayah Komersial Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sibu pada Rabu," katanya.

Kes diasiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.

Sehubungan itu, Zulkipli menasihatkan orang ramai agar tidak mudah terpedaya dan terpengaruh dengan tawaran pekerjaan melalui laman media sosial yang menjanjikan pulangan lumayan.

"Orang ramai hendaklah membuat semakan yang terperinci dengan syarikat atau agensi yang berkaitan sebelum menerima apa jua tawaran kerja yang meragukan," tegasnya.

Sebarang nasihat atau maklumat lanjut, boleh dirujuk kepada Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) di talian 997 dan ikuti laman Facebook @[CyberCrimeAlertRMP@JSJKPDRM](https://www.facebook.com/CyberCrimeAlertRMP@JSJKPDRM).

Selain itu, semakan pengesahan akaun bank dan nombor telefon yang diragui boleh dibuat melalui laman sesawang <http://ccid.rmp.gov.my/semakmule/>.

## **OKU KERDIL TAGIH SIMPATI KERAJAAN TANGANI ISU PEKERJAAN DAN PENGANGKUTAN**

<https://majoriti.com.my/berita/2023/05/11/oku-kerdil-tagih-simpat-kerajaan-tangani-isu-pekerjaan-dan-pengangkutan>

**Sumber : Majoriti**



**KESUKARAN** untuk mendapatkan pekerjaan bagi Orang Kelainan Upaya (OKU) kerdil bukanlah isu yang baru dibangkitkan.

Namun begitu, kebelakangan ini masalah tersebut bukanlah isu besar memandangkan kerajaan dan masyarakat sudah mula peka dan memberi peluang sama rata kepada golongan tersebut.

Presiden Pertubuhan Kebangsaan Orang Kerdil Malaysia (PKOKM), **Jasmie Shafie** berkata, peluang pekerjaan itu banyak tetapi hakikatnya ketika ini mereka mengalami masalah untuk memilih pekerjaan yang sesuai.

"Kesedaran mengenai keperluan untuk OKU berdikari dan bekerja itu ada tetapi ia tidak dilakukan secara menyeluruh.

"Hal ini kerana, golongan kerdil seperti kami memerlukan ruang dan infrastruktur yang sesuai dengan ketinggian kami.

"Saya tidak nafikan, berbanding 20 tahun lalu banyak yang berubah dan golongan OKU kerdil sudah mendapat pekerjaan dalam sektor awam mahupun swasta.

"Malah, ada yang menjawat jawatan besar dalam industri namun bukan semua orang bernasib baik dan ada dalam kalangan orang kerdil ini masih bergelut mencari pekerjaan," katanya kepada *Majoriti*.



*Jasmie berkata, peluang perkerjaan banyak tetapi mereka mengalami masalah memilih pekerjaan sesuai.*

Jasmie yang juga penghidap pseudoachondroplasia iaitu gangguan pertumbuhan tulang atau kerdil sejak dilahirkan menjelaskan masalah utama yang dihadapi mereka pada ketika ini adalah kemudahan yang disediakan untuk golongan OKU masih lemah.

"Saya nampak di negara ini masih kurang kesedaran malahan keadaan sekeliling juga tidak cukup membantu dalam perkara ini (kemudahan kepada OKU). Ini baru orang kerdil, bayangkan yang buta.

"Saya beri contoh, untuk kami (OKU kerdil) tidak ada kenderaan sesuai serta laluan khas kenderaan yang dapat kami gunakan. Sehubungan itu, ada yang terpaksa menolak peluang pekerjaan yang diberikan kerana jauh dari rumah.

"Mereka menolak pekerjaan tersebut kerana memikirkan isu bagaimana mereka nak bergerak pergi dan balik kerja.

"Bukan semua boleh dapat lesen kenderaan khas, kalau ada lesen sekalipun tiada kereta bersesuaian untuk kami pandu. Kalau naik kenderaan awam, bukan semua tempat ada kesalinghubungan," katanya.

Jasmie yang berasal dari Perlis juga berharap agar kerajaan mengambil berat tentang isu tersebut kerana dia tidak mahu masa depan golongan OKU kerdil terbatas hanya disebabkan perkara tersebut.



*Sehingga kini seramai 1,200 OKU kerdil mendaftar bersama PKOKM sudah mendapat pekerjaan di seluruh negara.*

"Kita lihat sahaja negara maju seperti di Eropah, mereka mempunyai fasiliti untuk OKU yang sesuai seperti pengangkutan, laluan khas, kemudahan-kemudahan lain malah mempunyai laluan khas untuk kenderaan OKU.

"Mungkin ada yang akan mencadangkan untuk menggunakan kenderaan awam, teksi dan e-hailing tetapi bukan semua mampu.

"Nak beli dan memandu kenderaan, dengan keadaan kami ini agak mustahil juga," katanya dengan nada bergurau.

Ditanya berapa ramai golongan OKU kerdil yang sudah mendapat pekerjaan, Jasmie berkata, sehingga kini seramai 1,200 orang yang mendaftar bersama PKOKM sudah mendapat pekerjaan di seluruh negara.

"Untuk makluman, kami (PKOKM) memainkan peranan sebagai perantara kepada masyarakat kerdil yang berdaftar untuk mencari peluang pekerjaan.

"Pada masa sama, kami turut memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan bantuan. Kami sedar ada dalam kalangan OKU kerdil ini kadang-kadang buntu untuk mencari pekerjaan di tempat mereka.

"Sehubungan itu, saya meminta mereka yang mempunyai kekurangan ini, jangan malu dan tampilkan diri," katanya. — *Majoriti*

## KONGSI UNTUNG BERNIAGA DENGAN YANG MEMERLUKAN

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/965737/kongsi-untung-berniaga-dengan-yang-memerlukan>

Sumber : Harian Metro



Baling: Seramai 30 peserta terdiri golongan kurang berkemampuan di negeri ini menerima manfaat agihan dividen RM500 sebulan menerusi Program Komuniti Sejahtera (PKS) di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

Ketua Setiausaha KKDW Datuk Seri Ramlan Harun berkata, dengan peruntukan sebanyak RM300,000 kepada Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), dividen itu berjaya diagihkan menerusi perniagaan Restoran D' Sara Fried Chicken yang dilantik sebagai agensi pengendali dan pelaksana program berkenaan.

"Program ini berkonsepkan perkongsian keuntungan dalam bentuk pulangan dividen kepada kumpulan sasar dan pihak ketiga (agensi pelaksana).

"Kumpulan sasar bagi pelaksanaan program ini terdiri daripada golongan miskin tegar, miskin dan berpendapatan rendah (B40), mereka akan menerima sebanyak RM500 setiap bulan selama dua tahun hasil keuntungan perniagaan syarikat pengendali," katanya ketika ditemui selepas merasmikan restoran berkenaan dan penyampaian bantuan ekonomi projek KEDA, di sini.

Turut hadir, Pengurus Besar KEDA Datuk Kamarudin Abd Akib dan Ketua Pegawai Eksekutif D'Sara Fried Chicken Syarifuddin Omar.

Ramlan berkata, program yang dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) ini bermatlamat untuk meningkatkan pendapatan keluarga serta meningkatkan taraf hidup seterusnya mengeluarkan mereka daripada belunggu kemiskinan.

Katanya, program ini juga diharap dapat membantu masyarakat untuk menjana pendapatan selain membantu mereka menambah pendapatan sampingan.



RAMLAN melawat bahagian penyediaan makanan restoran D'Sara Fried Chicken.

Bagi peserta, Mohd Nijam Che Hassan, 43, dia berasa sangat bersyukur menerima dividen itu yang sekali gus dapat membantu meringankan bebannya sebagai ketua keluarga berikutan hanya berpendapatan kira-kira RM500 sebagai penoreh getah.

"Saya ada empat orang anak yang berusia antara 16 hingga empat tahun, mereka masih bersekolah, dengan kos sara hidup yang semakin meningkat sekarang, pendapatan saya memang tidak mencukupi.

"Alhamdulillah dengan adanya dividen ini, ia dapat menampung keperluan keluarga saya, saya akan gunakan duit ini sebaik mungkin untuk membeli barang dapur dan keperluan persekolahan anak-anak," katanya yang berasal dari Kampung Kuala Beris, Sik.

Seorang lagi peserta, Ishak Saleh, 49, berkata, sebagai seorang orang kurang upaya (OKU) dia sangat bersyukur dipilih menjadi peserta PKS dan berterima kasih kepada kerajaan yang sangat prihatin dengan golongan sepertinya.

Katanya, keadaan kaki kanannya yang cacat akibat dipatuk ular pada usia sembilan tahun menyebabkan pergerakannya agak terbatas dan sukar melakukan kerja berat.

"Program seperti ini sangat baik kepada golongan kurang berkemampuan seperti kami, hasil keuntungan perniagaan Bumiputera dikongsikan kepada orang yang memerlukan.

"Saya akan gunakan duit dividen ini untuk anak-anak saya yang masih belajar, saya harap program seperti ini dapat diperluaskan lagi selepas ini," katanya yang bertugas sebagai bilal masjid di Kampung Masjid Jeneri, Sik.

Sementara itu, Kamarudin berkata, pihaknya berharap program itu berjaya mencapai objektifnya apabila pelaksana program itu mula mengagihkan dividen mengikut tempoh yang diberikan.

"Selain meningkatkan pendapatan syarikat pengendali, ia juga menjadi pendapatan sampingan buat 30 peserta yang terpilih dari negeri Kedah.

"Mereka yang membeli di sini secara tidak langsung akan menyumbang kepada golongan kurang berkemampuan," katanya.

Sementara itu, Syarifuddin menjelaskan, selain daripada menerima dividen dan berkongsi pendapatan, peserta juga diberi pilihan untuk bekerja di premis berkenaan sebagai salah satu cara meningkatkan pendapatan.

"Peserta boleh memilih untuk sama-sama bekerja atau jika mereka tidak mampu, ahli keluarga lain boleh menjadi pekerja di sini untuk menambah pendapatan serta meningkatkan taraf hidup ke arah lebih baik," katanya.